



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | **JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI**

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT(BKIM)1000/016/018/069 (118)
Tarikh : 19 Ogos 2021

YBRS. PROF. TS. DR. SURIANI ABU BAKAR

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pejabat Timbalan Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjung Malim
PERAK

YBrs. Prof. Ts. Dr.,

PELANTIKAN SEBAGAI KETUA PAKAR RUJUK BAGI PROGRAM *FESTIVAL OF IDEAS 2021*

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa **YBrs. Prof. Ts. Dr. Suriani Abu Bakar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dilantik sebagai Ketua Pakar Rujuk bagi Program *Festival of Ideas 2021*.**

3. Saya bagi pihak Jabatan Pendidikan Tinggi mengucapkan tahniah di atas pelantikan ini dan berharap semoga YBrs. Prof. Ts. Dr. dapat melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komited demi kelestarian ekosistem pendidikan tinggi yang menyumbang kepada nilai tambah dalam melahirkan graduan yang berkualiti. Tugas dan tanggungjawab bagi pelantikan Ketua Pakar Rujuk adalah sebagaimana di **Lampiran A**.



Ruj. Kami : JPT(BKIM)1000/016/018/069 (118)

4. Semoga dengan pelantikan YBrs. Prof. Ts. Dr. sebagai Ketua Pakar Rujuk bagi program ini akan meningkatkan motivasi kerja YBrs. Prof. Ts. Dr. dalam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan merealisasikan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha memartabatkan pendidikan tinggi yang lebih gemilang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' PROF. DR. HUSAINI B. OMAR)

s.k :

- i. **YBhg. Prof. Dato' Dr. Md. Amin bin Md. Taff**
Naib Canselor
Pejabat Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjong Malim
PERAK

LAMPIRAN A

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
KETUA PAKAR RUJUK
PROGRAM FESTIVAL OF IDEAS 2021

1. **Penasihat / ketua pakar rujuk program:** Menasihati, merangka dan mengesyorkan cadangan pelaksanaan segmen-segmen bagi program *Festival of Ideas*.
2. **Penetapan kriteria dan syarat program:** Memuktamadkan syarat dan kriteria program bagi pelaksanaan segmen-segmen program *Festival of Ideas* kepada semua Pakar Rujuk, Pegawai Fokal dan Penyelaras Fokal.
3. **Pemantauan pelaksanaan program:** Memantau dan menilai kemajuan pelaksanaan program bagi segmen-segmen yang dirancang dari semasa ke semasa supaya ianya dilaksanakan dengan teratur selaras dengan kelulusan peruntukan *Festival of Ideas* dan kriteria program yang telah ditetapkan.
4. **Pencalonan pegawai:** Mencalonkan pegawai-pegawai yang perlu dilantik oleh Kementerian bagi Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Teknikal, Pakar Rujuk, Pegawai Fokal dan Penyelaras Fokal.
5. **Pelaporan program:** Memantau dan memastikan laporan pelaksanaan dan kewangan program disediakan dengan lengkap dan teratur serta dihantar ke Kementerian mengikut keperluan dari semasa ke semasa.
6. **Tadbir urus dan pengurusan kewangan:** Memastikan urusan pentadbiran dan pengurusan kewangan bagi program *Festival of Ideas* adalah teratur dan mematuhi tatacara, arahan dan pekeliling kewangan Kerajaan yang berkuatkuasa.